

## UNTUK SIARAN SEGERA

### **CAROUSELL GROUP RAIH US\$100 JUTA DARIPADA PELABURAN STIC INVESTMENTS UNTUK MEMACU PENGIKLANAN 4.0 DI ASIA TENGGARA DAN TAIWAN**

Kini bernilai US\$1.1 bilion, peneraju platform jual beli di rantau ini akan terus memperkukuhkan kedudukannya di barisan hadapan segmen Barangan, Kenderaan dan Hartanah, serta memacu urusaniaga dalam perdagangan semula (*recommerce*)

**Kuala Lumpur, 15 September 2021** – [Carousell Group](#), kumpulan jual beli dalam talian terkemuka di Asia Tenggara dan Taiwan, hari ini mengumumkan pemerolehan pelaburan sebanyak US\$100 juta untuk memacu kepimpinannya di rantau ini, dan menilai semula pengalaman pengiklanan dengan memberi fokus kepada aspek kemudahan dan kepercayaan, bagi menjadikan barangan terpakai sebagai pilihan pertama.

Pembiayaan kali ini, yang diketuai oleh STIC Investments, ekuiti swasta terkemuka Korea yang membuat pelaburan di seluruh Asia, menandakan pencapaian ketara yang akan melonjakkan nilai Carousell kepada US\$1.1 bilion. Pelaburan ini akan mengukuhkan lagi cita-cita kumpulan tersebut untuk mentakrifkan *recommerce* iaitu perdagangan semula barang-barang atau kereta terpakai di rantau yang semakin bijak digital, makmur dan lebih peka terhadap kelestarian.

“Pandemik ini telah menunjukkan bahawa misi kami untuk menginspirasi dunia supaya mula menjual dan membeli barangan terpakai kini menjadi semakin relevan. Anggota masyarakat menggunakan platform kami untuk memperkasakan satu sama lain – melalui perkongsian minat, menjana pendapatan, mendapatkan keperluan, atau disebabkan ia lebih lestari. Kami percaya penerimaan pengalaman digital yang pantas ini merupakan peluang untuk kami menggandakan usaha perdagangan semula dengan memberi tumpuan kepada aspek kemudahan dan kepercayaan, untuk membuat perubahan penting dalam masyarakat kita,” kata Quek Siu Rui, Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Carousell. “Pelaburan STIC mengesahkan lagi misi dan hala tuju kami yang strategik. Kami akan meningkatkan pelaburan dalam perdagangan semula di semua kategori dan pasaran, serta akan terus mencari peluang untuk meningkatkan perniagaan.”

“Kami telah memantau Carousell sebagai salah satu platform terkemuka di Asia Tenggara dan Taiwan, dan sangat gembira dapat bekerjasama dengan syarikat yang menunjukkan pertumbuhan pesat sebegini,” kata Jason Cho, Pengarah Urusan STIC Investments. “Carousell terus mencapai pertumbuhan pengguna yang mengagumkan apabila mereka mengubah pasaran perdagangan semula, menambah ciri baharu yang memberi tumpuan untuk mewujudkan pasaran yang dipercayai dan meningkatkan pengalaman pengguna secara keseluruhan. Kami sangat yakin Carousell akan menjadi pusat ekonomi barangan terpakai di rantau ini ketika semakin ramai pengguna yang lebih peka terhadap soal sosioekonomi dan alam sekitar beralih ke arah ekonomi pekeliling.” Sebagai sebahagian

daripada pusingan dana, En. Cho juga akan menyertai Lembaga Pengarah Carousell.

Sejak penubuhannya pada 2012, Kumpulan ini memberi perkhidmatan kepada berpuluh juta pengguna di laman pasaran di Asia Tenggara dan Taiwan di bawah jenama Carousell, Mudah.my, Cho Tot dan OneKyat. Pendekatan perintis-mudah-alih-dahulu yang digunakan oleh Carousell telah menyemarakkan ruang jual beli, memudahkan penjualan dan pembelian serta terbukti menjadi kedai sehenti yang penting untuk semua kategori.

“Perkembangan kami telah melangkaui kategori seperti fesyen, barangan elektronik dan barangan umum,” kata Siu Rui. “Sebagai wilayah yang kian makmur, warga rantau ini mahu menikmati barangan yang lebih bagus dalam kehidupan mereka. Kami sedang meneliti kemampuan pengesahan bagi produk bernilai tinggi, termasuklah barangan dan kereta mewah. Matlamat kami adalah untuk menjadikan transaksi di pasaran barangan terpakai ini semudah dan boleh dipercayai seperti mana-mana platform e-dagang supaya barangan terpakai benar-benar akan menjadi pilihan pertama.”

Pada tahun ini, Carousell telah mempelopori program *Certified Mobiles* di Singapura, yang menawarkan jaminan 12 bulan untuk telefon bimbit terpakai bagi memberikan pengguna pengalaman seperti memiliki telefon baharu pada harga jauh lebih murah, dan melancarkan penghantaran bersepadu bersama PosLaju (perkhidmatan pos nasional Malaysia) dalam menyediakan pilihan transaksi tanpa sentuhan bagi penjual dan pembeli semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Carousell Auto Group, yang dibentuk awal tahun ini untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam pengiklanan kereta, telah melancarkan program *Certified Autos* di Malaysia yang berjaya mencapai inventori terbesar bagi kereta yang diperakui di negara ini, dan akan disusuli oleh pasaran utama lain.

“Kami bersyukur dan sangat bertuah mempunyai pelabur, rakan sepasukan dan pengguna yang mempercayai misi dan usaha kami dalam membina syarikat yang bermakna dan berkekalan,” tambah Siu Rui.

###

#### **About Carousell Group**

Carousell Group is the leading classifieds group in Greater Southeast Asia on a mission to inspire the world to start selling, and to make secondhand the first choice. Founded in August 2012 in Singapore, the group has a leading presence in eight markets under the brands Carousell, Mudah.my, Cho Tot and OneKyat, serving tens of millions of monthly active users. Carousell is backed by leading investors including Telenor Group, Rakuten Ventures, Naver, STIC Investments and Sequoia Capital India. Visit [here](#) for more information.

#### **About STIC Investments**

STIC Investments, Inc. is one of the largest and most experienced private equity firms in Korea. STIC seeks to create growth and prosperity in economies across Asia through investing in companies that engage in promising businesses. Starting its operations as a venture capital firm in 1999, STIC is now renowned as a leading private equity firm in Korea with a proven 22-year track record and abundant investment experience in multiple business cycles. STIC has circa US\$5 billion AUM, 40 investment



professionals and invested in more than 80 companies. Its global investor base includes sovereign wealth funds, public pension funds, insurance companies, financial institutions, family offices, endowments, foundations, and fund of funds from Korea, Southeast Asia, Middle East, and Europe. Visit [here](#) for more information.